

Headline	Nilai eksport kayu, barangan kayu merosot 5.77 peratus		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	13 Oct 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	7	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	462 cm ²
Journalist	Clare Cinderella	AdValue	RM 2,996
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,988



Nilai eksport kayu, barangan kayu merosot 5.77%

Catat RM4 bilion dalam tempoh lapan bulan tahun ini berbanding RM4.2 bilion tempoh sama 2015

Oleh Clare Cinderella

MIRI: Nilai eksport kayu dan barangan kayu negeri ini hanya mencatat RM4 bilion dalam tempoh lapan bulan tahun ini berbanding RM4.2 bilion tempoh sama tahun lalu iaitu merosot sebanyak 5.77 peratus, dedah Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Awang Tengah yang juga Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua memberitahu, penurunan ini disebabkan iklim ekonomi dunia kurang memberangsangkan sekali gus menjejaskan prestasi perdagangan barangan kayu pasaran global.

“Bagaimanapun untuk wilayah utara, nilai eksport dicatatkan ialah RM2.4 bilion, iaitu 60 peratus daripada keseluruhan Sarawak.

“Nilai eksport ini menunjukkan kekuatan pengusaha industri perkayuan wilayah utara negeri ini dalam menyumbang pendapatan negeri pada keseluruhannya,” katanya semasa merasmikan bangunan pejabat Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Wilayah

Utara di Marina Square di sini, semalam.

Awang Tengah berkata sehingga kini, industri perkayuan masih lagi penting di negeri ini dan menyediakan pekerjaan kepada lebih 50,000 tenaga kerja daripada 1,478 syarikat berdaftar PUSAKA meskipun dalam suasana ekonomi tidak menentu.

“Ini menunjukkan betapa industri perkayuan ini masih menjadi salah satu sektor paling penting kepada ekonomi negeri ini,” katanya.

Justeru bagi menjana dan melonjakkan lagi pembangunan industri hiliran, kerajaan negeri memutuskan meningkatkan kuota balak daripada 60 kepada 70 peratus untuk pemprosesan tempatan, terutama perabot yang mendapat permintaan menggalakkan terutama pasaran global.

“Dengan inisiatif baharu ini kita berharap pemain industri perkayuan menjadi lebih komited membangunkan industri hiliran, khususnya perabot pasaran eksport,” katanya.

PUSAKA juga mewujudkan inisiatif kerjasama dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) men-

ubuhkan Kerusi PUSAKA bagi mengeluarkan lebih banyak perabot dengan rekaan kreatif dan inovatif, bagi menampung keperluan dan permintaan terhadap perabot di pasaran global.

Katanya inisiatif ini juga akan meningkatkan lagi kapasiti membangun atau membina dalam kalangan pereka muda khususnya mereka yang berada di institusi pengajian tinggi.

Selain itu, katanya inisiatif oleh PUSAKA baru-baru ini ialah menubuhkan industri buluh di negeri ini, menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) bagi menyediakan kepakaran mengenal pasti spesies-spesies buluh yang bersesuaian untuk ditanam di ladang-ladang di negeri ini.

“Saya yakin tanaman buluh seperti diusahakan di sebuah daerah terpencil di China dapat memberi pulangan lumayan kepada pengusahanya.

“Baru-baru ini, saya sempat berkunjung ke China dan meninjau potensi tanaman buluh. Ia terbukti menguntungkan pengusahanya kerana mampu menghasilkan pelbagai produk, daripada

perabot hinggalah kepada kertas, kain, seluar dalam dan baju yang selesa digunakan,” jelasnya.

Turut hadir Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Pelaburan dan Promosi) merangkap Ahli Lembaga Pengurusan PUSAKA Datuk Julaihi Narawi, Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar merangkap Ahli Lembaga Pengurusan PUSAKA Datu Sudarsono Osman serta Pengurus Besar PUSAKA Datu Sarudu Hoklai.

PUSAKA ditubuh 43 tahun lalu sebagai agensi memelopori pembangunan industri perkayuan di negeri ini.

Manakala di Miri pula, PUSAKA Miri ditubuh pada 1981, berperanan memastikan operasi industri perkayuan di wilayah utara negeri ini berkembang mengikut arus pembangunan pada masa ini.

Mengenai pejabat wilayah utaranya di sini, Sarudu memberitahu, PUSAKA membeli aset hartanah tersebut daripada pemaju Marina ParkCity pada nilai RM12 juta dan bangunan enam tingkat itu siap diubah suai sepenuhnya September lalu.

Headline	Nilai eksport kayu, barangan kayu merosot 5.77 peratus		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	13 Oct 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	7	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	462 cm ²
Journalist	Clare Cinderella	AdValue	RM 2,996
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,988

“ Bagaimanapun untuk wilayah utara, nilai eksport dicatatkan ialah RM2.4 bilion, iaitu 60 peratus daripada keseluruhan Sarawak. ”

Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan
*Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan,
 Perdagangan dan Pelaburan*



TANDATANGAN: Awang Tengah menurunkan tandatangannya pada plak perasmian bangunan PUSAKA Wilayah Utara, sambil disaksikan Julaihi (dua kanan), Sudarsono (lima kiri) dan Sarudu (enam kiri) serta yang lain.